

## Perang Enam Hari Arab Israel 1967 Menerusi Perspektif Teori Realisme

### *Arab-Israeli Six-Day War 1967 through the Perspective of the Realism Theory*

MOHD IRWAN SYAZLI SAIDIN\*, WAN KAMAL MUJANI & AZYATI AZHANI MOHD MAZUKI<sup>1</sup>

#### ABSTRACT

*Realism approach has dominated the studies of world politics and international relations since the last of the World War II and until the start of the Cold War era. The focus of this study is to look into the factors that ignited the war other than identifying the policies or actions taken by the countries involved in the war. The question that arises lies in the extent to which the approach is able to explain the factors and actions taken by the leaders, to the point that it led to the 1967 war, and how this war can serve as guidance for our understanding of the Realism Theory. The objective of this study is to unravel the chains of events that had become the background of the 1967 Arab-Israeli War by concentrating on the root causes of the war and the policies of the countries involved, other than offering justification for the Realism Theory by looking closely into the characteristics, assumptions, and concepts under this approach. The methodology of this work employs document analysis and historical studies to obtain complete data. The analysis was carried out by applying the Arab-Israeli war events to the Realism Theory to prove that there is an association between the causes of the war and the theory through the analysis unit, key assumptions and substantial concepts contained in the Realism approach. The unit of analysis, which places the countries as the main actor in the international system, can be seen through the main role of Egypt, Jordan, Syria and Israel throughout the period of war. Concepts such as power, power balance, national interests, national sovereignty and self-help are also associated with the causes behind this war through a series of facts that have manifested themselves in the event*

*Keywords: 1967 Arab-Israeli war, Israel, Middle East, Palestine, Realism*

Realisme merupakan teori utama yang mendominasi kajian politik dunia khususnya dalam melihat hubungan negara-negara pasca Perang Dunia Kedua dan semasa meletusnya Perang Dingin. Ia berpegang kepada prinsip 'what is' atau 'apa sebenarnya' dan 'yang secara realitanya berlaku'. Teori ini menjelaskan bahawa peperangan adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan kerana sifat semulajadi manusia dan negara yang tamak dan sentiasa berkonflik. Justeru, konsep kuasa dan keseimbangan kuasa sangat dititikberatkan dalam teori ini khusus sebagai

---

<sup>1</sup> **Mohd Irwan Syazli Saidin\*** (Corresponding author), Ph.D. candidate at the Institute of Arab and Islamic Studies, College of Social Sciences and International Studies, University of Exeter, Stocker Road, EXETER EX4 4ND, United Kingdom, email: irwansyazli@yahoo.com; **Wan Kamal Mujani**, Ph.D., Professor of Islamic History at Department of Arabic Studies and Islamic Civilization, and the Dean of Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Malaysia, email: inawan@yahoo.com; **Azyati Azhani Mohd Mazuki**, Masters candidate at the Department of Arabic Studies and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Malaysia, email: azhani1417@yahoo.com.

salah satu kaedah untuk mengekalkan keamanan dan *survival* sesebuah negara. Penubuhan pakatan ketenteraan adalah penting sebagai persediaan negara menghadapi ancaman musuh. Teori ini menolak penggunaan diplomasi dan tolak ansur memandangkan ia pesimis terhadap sifat semulajadi manusia yang baik dan boleh bekerjasama. Politik dunia dianggap bersifat anarki yakni suatu keadaan tanpa kerajaan pusat yang berupaya menguatkuasakan peraturan dan undang-undang terhadap seluruh negara di dunia. Dengan demikian, adalah mustahak bagi setiap negara membangunkan segala kekuatan persenjataan dan pertahanan demi memelihara kedaulatan negara.

Realisme mempunyai unit analisis, andaian dan konsep-konsep utama yang menjadi tunjang kepada kekuatan teori tersebut dalam menganalisis sesuatu isu membabitkan politik dunia. Merujuk kepada kes Perang Arab-Israel 1967, sebuah peperangan yang berlaku setelah tamat Perang Dunia Kedua dan semasa memuncaknya Perang Dingin, akan ditinjau perkaitannya dengan teori realisme menerusi unit analisis, andaian dan konsep-konsep penting sebagai aplikasi dan pengukuhan terhadap hujah-hujah yang dikemukakan oleh para pendukung teori tersebut dalam kajian politik dunia dan hubungan antarabangsa. Perang Arab-Israel 1967 meninggalkan impak yang besar kepada negara-negara terlibat meliputi aspek ekonomi, sosial, geografi dan politik. Ia juga telah memberi kesan kepada polisi dan hal ehwal dalaman negara-negara tersebut. Pelbagai fakta dan peristiwa boleh dihujah dalam melihat punca kepada peperangan tersebut dan ia sudah pasti berbeza di antara pandangan oleh pihak Israel dan negara-negara Arab yang terlibat iaitu Mesir, Jordan dan Syria. Oleh yang demikian, penjelasan daripada sebuah teori untuk menggambarkan situasi perang tersebut adalah signifikan untuk mengukuhkan hujah bagaimana meletusnya Perang Arab-Israel 1967. Bahagian seterusnya akan mengupas dengan lebih lanjut berkenaan latar belakang Teori Realisme dan Perang Enam Hari 1967 di samping menganalisis hubungan kait di antara kajian kes dan teori yang dikemukakan dalam kajian ini.

### **Teori Realisme dalam Politik Antarabangsa**

Realisme sebagai salah satu pendekatan dalam kajian politik dunia merupakan sebuah teori yang tidak asing dalam memperkatakan situasi negara-negara di dunia khususnya pasca Perang Dunia Kedua. Teori ini pada hakikatnya berakar umbi daripada sarjana-sarjana klasik seperti Thomas Hobbes, Thucydides dan Machiavelli lalu dikembangkan dan dimodifikasi oleh sarjana kontemporari seperti Morgenthau, Kenneth Waltz dan lain-lain mengikut peredaran zaman. Kesemua mereka berkongsi pandangan sejagat tentang soal kuasa dan sifat semula jadi manusia yang merupakan perkara pokok dalam teori Realis. Konsep-konsep utama dalam teori ini diperjelaskan dengan lebih lanjut berdasarkan tulisan pengkaji-pengkaji moden di samping penulisan tokoh-tokoh klasik.

Pertama, perlu dijelaskan mengapa teori ini digelar sebagai Realisme. Secara etimologinya ia berasal dari perkataan Inggeris '*Real*' yang bermaksud benar atau merujuk kepada keadaan sebenar yang berlaku pada masyarakat. Realisme merupakan pendekatan yang cenderung melihat sesuatu persoalan atau fenomena sebagai 'apa yang telah wujud' atau 'apa yang nyata' bukannya 'apa yang sewajarnya' atau 'apa yang sepatutnya'. Pendek kata, ideologi ini memerhati sesuatu perkara dalam kehidupan manusia secara realiti dan membuat sesuatu kesimpulan berdasarkan fahaman sedemikian. Sebagai contoh, selepas tamatnya Perang Dunia Pertama (1914-1918), pemimpin negara-negara yang terlibat berusaha mewujudkan keamanan serantau dengan menubuhkan Liga Bangsa agar peperangan dan pertelingkahan dapat dielakkan. Namun demikian, harapan ini musnah apabila tercetusnya Perang Dunia Kedua (1939-1945). Sejak itu, muncul pelbagai pemikiran yang mula memikirkkan suatu pendekatan dan teori yang lebih realistik dalam memahami politik dunia. Melihat kepada situasi perang tersebut, beberapa sarjana telah melabelkan manusia amnya dan negara khususnya adalah sentiasa bersikap tamak dan mementingkan diri sendiri. Di sini dapat diperhatikan dengan jelas

bagaimana sesuatu fenomena dihuraikan dengan bergantung kepada situasi sebenar dalam kehidupan manusia. Memetik beberapa definisi ilmiah terhadap pendekatan realisme, menurut Mahfudzah (1999: 107), realisme secara asasnya adalah sebuah pemikiran yang agak konservatif, bersifat empirik, berwaspada, penuh syak wasangka terhadap prinsip-prinsip idealistik dan begitu menghormati pengajaran-pengajaran yang diterima daripada sejarah. Pandangan ini dilihat cuba menggambarkan secara luaran apa yang terkandung dalam pendekatan tersebut. Merujuk kepada Kegley & Whitkopf (2006:33) pula, pendekatan realisme ditakrifkan sebagai: *"A paradigm based on the premise that world politics is essentially and unchangeably a struggle among self-interested states for power and position under anarchy, with each competing state pursuing its own national interests"*.

### **Sejarah Perkembangan**

Sejarah perkembangan aliran ini dalam konteks politik dunia bermula sekitar pasca Perang Dunia Kedua apabila kegagalan para pemikir dan sarjana politik dunia pada ketika itu untuk menjangka sebuah peperangan besar akan meletus di dunia. Ketika tamatnya Perang Dunia Pertama, beberapa sarjana dan para pemimpin dunia cuba membentuk keamanan serantau dengan mempercayai kerjasama dan mewujudkan tolak ansur antara negara. Golongan sedemikian dikenali sebagai Idealis kerana sentiasa mengemukakan pandangan-pandangan yang bersifat ideal dan penuh harapan. Namun segalanya berubah apabila Jerman melancarkan serangan terhadap Poland sekaligus memulakan Perang Dunia Kedua dan melahirkan para pemikir yang berpegang kepada suasana *'real'* terhadap sesuatu fenomena khususnya dalam kancas politik dunia. Ekoran kegagalan para pemikir Idealis ini, muncul pendekatan realisme dengan menggunakan kuasa sebagai teras memahami politik dunia.

Realisme muncul sebagai salah satu pendekatan penting dalam memahami beberapa krisis yang berlaku sepanjang pasca Perang Dunia Kedua termasuklah isu Perang Arab-Israel 1967 yang menjadi kajian kes dalam artikel ini. Teori ini sememangnya dilihat agak dominan dalam kajian hubungan antarabangsa. Di bawah pendekatan realisme, beberapa komponen asas telah dikenal pasti untuk diketengahkan sebagai pemahaman kepada sebuah teori iaitu unit analisis, prinsip-prinsip, andaian utama dan beberapa konsep penting.

### **Teori Realisme: Unit Analisis**

Unit analisis merujuk kepada aktor atau pelaku yang bertindak dalam mewujudkan hubungan antarabangsa. Dalam pendekatan realisme, peringkat analisis yang menjadi keutamaan adalah negara atau *state* seperti Malaysia, Amerika dan seumpamanya. Golongan realis menjadikan negara sebagai pelaku utama dalam kajian mereka terhadap politik dunia dan hubungan antarabangsa. Segala perkara yang berlaku dalam politik dunia pertama kalinya dirujuk kepada negara sebagai aktor terpenting. Kegley & Whitkopf (2006: 33) menjelaskan bahawa: *"Realism as applied to contemporary world politics, view the state, which should answer to no higher political authority, as the most important actor on world stage"*.

### **Andaian Utama dalam Pendekatan Realisme**

Andaian merujuk kepada keterangan-keterangan yang menjadi asas bagi binaan hipotesis dan teori. Berdasarkan pendekatan realisme, terdapat beberapa andaian utama yang menjadi asas kepada pendekatan ini. Salah satunya adalah berkaitan dengan sifat semulajadi manusia. Golongan realis sama ada dari zaman klasik seperti Machiavelli, Hobbes dan Thucydides dan juga dari zaman kontemporari seperti Morgenthau dan Waltz sepakat mengandaikan manusia secara semulajadinya bersifat tamak dan mementingkan diri sendiri. Malah mereka juga disifatkan sebagai jahat dan tidak boleh dipercayai antara satu sama lain (Goldstein 1994:49 ).

Pandangan ini berasaskan dari pengalaman sejarah yang dilalui oleh pemimpin dan negara khususnya yang berkaitan dengan kancas politik dunia. Perang Dunia Kedua dianggap memberi pengajaran kepada negara supaya 'berpijak terhadap bumi yang nyata' akan sifat semulajadi manusia. Andaian sedemikian telah membawa kepada situasi berjaga-jaga atau berwaspada terhadap sebarang tindak tanduk sesebuah negara apatah lagi terhadap negara yang dianggap musuh kerana dikhuatiri akan berlaku pergelutan kepentingan sehingga membawa kepada peperangan. Sifat pesimis yang dilontarkan oleh golongan realis telah melahirkan pandangan yang agak keras dalam memahami corak hubungan antarabangsa di antara pemimpin-pemimpin negara. Pandangan tersebut adalah penolakan terhadap nilai-nilai murni dan aspek-aspek moral seperti menghormati perjanjian, baik sangka, saling mempercayai dan sebagainya. Menurut Kegley & Wittkopf dalam *World Politics: Trend and Transformation* (2006: 33): "*To the hard-core realist, respect for moral principle is a wasteful and dangerous interference in the rational pursuit of national self-advantage*".

Andaian seterusnya yang terkandung dalam kotak pemikiran realisme ialah berhubung tingkah laku sesebuah negara yang dianggap rasional untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyatnya. Dengan demikian, segala polisi dan dasar yang digubal pemimpin wajar diterima rakyat secara menyeluruh kerana ia telah diletakkan sebagai sesuatu yang rasional. Sekalipun tindakan negara dilihat mencabuli kedaulatan negara lain, atas nama kepentingan nasional, ia wajar dilaksanakan. Bagi golongan realis, kepentingan untuk negara adalah segala-galanya menyebabkan mereka mempertahankan kerasionalan tindak tanduk sesebuah negara. Sebagai contoh, pada tahun 1967, Israel bertindak menyerang sempadan Mesir di Semenanjung Sinai dengan alasan untuk mempertahankan keselamatan negaranya daripada ancaman yang sering diuar-uarkan pihak Mesir. Maka Israel dengan andaian sebagai aktor yang rasional bertindak 'menyerang sebelum diserang'.

### **Kajian Kes: Perang Enam Hari Arab-Israel 1967**

Sejak penubuhan Israel di Palestin pada tahun 1948, pelbagai reaksi kurang senang ditimbulkan oleh pemimpin dunia Arab dari Mesir, Arab Saudi, Syria, Jordan, Lubnan, Iraq dan Kuwait. Kebanyakannya bimbang dan kluatir akan keupayaan Israel dengan sokongan Amerika dan Britain untuk meluaskan lagi sempadan negara tersebut melewati negara-negara Arab yang lain. Walaubagaimanapun, hanya Mesir, Jordan dan Syria yang mengambil keputusan untuk bertempur dengan Israel setelah merasakan kedaulatan wilayah mereka kian tercabar berikutan pembinaan penempatan penduduk Yahudi Zionis yang semakin bertambah. Krisis sempadan begitu merumitkan Israel dengan negara-negara jiran Arab yang berhampiran sehingga pihak Israel sendiri merasakan perlu 'menunjukkan' kekuatan sebenar mereka supaya dunia Arab tidak memandang enteng kehadiran mereka di rantau Timur Tengah. Natiujahnya, peperangan telah dilancarkan oleh pihak Israel selama enam hari setelah mencapai kata sepakat oleh barisan kepimpinan negara dan persetujuan unit ketenteraan. Perang Enam Hari atau lebih dikenali sebagai Perang Arab-Israel 1967 telah meletus pada 5 Jun 1967 dan berakhir sepenuhnya pada 11 Jun 1967. Perang Arab-Israel 1967 telah menemukan dua pihak yang bertelagah iaitu Israel di satu pihak dan Mesir, Syria dan Jordan di pihak lain yang secara tidak langsung mewakili pihak Arab. Perang yang berkesudahan dengan kemenangan di pihak Israel telah memberi kesan yang mendalam terhadap penduduk Palestin khususnya dan negara-negara Arab amnya. Sejak tertubuhnya negara Israel, satu demi satu konflik berlaku di antara Israel dengan negara-negara Arab. Mereka terus bertelingkah di antara satu sama lain atas sebab tertentu. Pertelingkahan ini sebenarnya memberi peluang kepada kuasa-kuasa besar pada waktu itu seperti Amerika, Britain dan Kesatuan Soviet untuk memainkan peranan mereka agar negara-negara Arab sentiasa berada di bawah pengaruh mereka (Brenchley 2005: 23-27). Tambahan pula, sewaktu Perang Enam hari tersebut meletus, dunia sedang menyaksikan kemelut Perang Dingin di antara kuasa-kuasa besar dunia iaitu Amerika Syarikat bersama

sekutu-sekutu mereka yang berdiri teguh bersama ideologi demokrasi dan Kesatuan Soviet yang juga bersama sekutu-sekutu mereka yang menyanggah ideologi demokrasi dengan mengatakan bahawa ideologi Komunis adalah jawapan sebenar kepada pergolakan dunia pada waktu itu. Walau sesiapa pun yang mewakili kuasa-kuasa besar untuk bertindak campur tangan dalam krisis Arab-Israel, sesungguhnya masyarakat Arab tidak pernah merestuinnya selagi bendera Israel berkibar megah dan berdiri tegak di atas tanah Palestin (McAleavy 1998: 1-15).

Pada penghujung peperangan, gencatan senjata telah ditermeterai di antara pihak-pihak yang bertelingkah pada 10 Jun 1967, dan secara mutlak nya kemenangan telah berpihak kepada Israel dan mereka telah berjaya menguasai banyak kawasan-kawasan yang selama ini menjadi medan pertelingkahan. Sepanjang enam hari peperangan di antara Israel menentang Mesir, Syria dan Jordan berlangsung, banyak kemusnahan dan kematian berlaku. Anggaran kematian bagi pihak Israel adalah 777 orang dan manakala di pihak Mesir, Syria dan Jordan pula tidak dapat dipastikan jumlah yang tepat. Namun yang pasti, jumlah kematian bagi pihak Mesir, Syria dan Jordan adalah lebih ramai berbanding kematian di pihak Israel. Mereka juga telah berjaya memalitkan lumpur di muka Syria, Mesir dan Jordan yang berjuang bersama tetapi tidak mampu untuk menewaskan Israel yang berjuang berseorangan dan hanya mendapat sokongan moral dan bantuan senjata dari pihak Amerika dan Britain. Sejak tewas nya negara-negara Arab di tangan Israel, terdapat kesan-kesan mendalam yang telah menambahkan lagi darah pada luka yang sedia ada. Antara kesan-kesan peperangan tersebut ialah perubahan persepsi penduduk Palestin terhadap negara-negara Arab, kebangkitan gerakan gerila Palestin, perubahan geopolitik Timur Tengah dan termeterainya Resolusi Majlis Keselamatan PBB 242. Seterusnya, lanjutan kepada Perang Enam Hari 1967 ialah tercetus nya Perang Yom Kippur (Fuad 1995: 45-60).

### **Analisis Pendekatan Realisme dan Perang Arab-Israel 1967**

Berdasarkan unit analisis, andaian dan konsep-konsep utama yang terkandung dalam pendekatan realisme, Perang Arab-Israel 1967 dilihat mampu menjadi contoh kajian kes untuk membuktikan keupayaan teori tersebut menganalisis sebarang konflik antarabangsa yang berlaku khususnya dalam tempoh Perang Dingin. Perang tersebut yang tercetus pada tahun 1967 hampir menjadi 'sub-set' kepada Perang Dingin berdasarkan tempoh masa dan persaingan kuasa-kuasa besar di sebalik perang tersebut. Analisis diteruskan dengan mengaitkan pendekatan realisme merangkumi unit analisis, andaian dan konsep-konsep utama terhadap kajian kes Perang Arab-Israel 1967.

#### *Negara sebagai Unit Analisis dan Aktor Utama dalam Politik Dunia*

Pendekatan realisme menjadikan negara sebagai unit analisis dan aktor terpenting dalam mengkaji isu-isu hubungan antarabangsa dan politik dunia. Negara diletakkan pada kedudukan terpenting berbanding unit-unit analisis yang lain seperti individu, masyarakat sivil, parti politik, institusi serantau dan sebagainya. Kegley & Whitkopf (2006:33) menjelaskan bahawa: "*Realism as applied to contemporary world politics, view the state, which should answer to no higher political authority, as the most important actor on world stage*". Oleh yang demikian, Perang Arab-Israel 1967 menonjolkan peranan negara atau *state* yang sangat dominan sehingga meletusnya peperangan tersebut. Negara-negara seperti Israel, Mesir, Syria dan Jordan adalah aktor utama yang 'menghidupkan' krisis Arab-Israel semenjak tahun 1948 sehingga berlaku peperangan besar selama enam hari pada tahun 1967. Jelasnya, peperangan ini adalah perang di antara negara menentang negara sebagaimana perang yang berlaku semasa Perang Dunia Pertama dan Kedua. Ada peperangan yang berlaku tidak melibatkan negara menentang negara seperti perang saudara di Bosnia, Somalia, Rwanda, Sudan, Iraq dan lain-lain sehingga melibatkan campurtangan tentera pengaman PBB dan NATO. Peperangan yang disenaraikan

tersebut tidak menepati unit analisis dalam pendekatan realisme yang menegaskan dalam isu hubungan antarabangsa atau peperangan, negara harus menjadi aktor utama dan penyumbang kepada perang. Negara hanya boleh melancarkan peperangan jika ia diancam oleh negara lain bukan ancaman daripada aktor-aktor bukan negara seperti kumpulan-kumpulan pemisah, kelompok masyarakat dan sebagainya. Peperangan yang sedemikian rupa dianggap tidak sah dalam konteks pendekatan realisme. Justeru, Perang Arab-Israel 1967 mempunyai perkaitan yang rapat dengan unit analisis dalam pendekatan realisme di mana peranan *state* atau negara mendominasi isu tersebut sehingga menenggelamkan peranan aktor-aktor bukan negara seperti PBB, Liga Arab, Kumpulan Pejuang Pembebasan Palestin (PLO) dan lain-lain.

#### *Andaian Bahawa Manusia Secara Semulajadi Bersifat Tamak dan Jahat*

Pandangan ini sangat popular dalam pendekatan realisme melalui penulisan tokoh-tokoh dan pelopornya seperti Machiavelli, Hobbes, Morgenthau, Waltz dan lain-lain yang bersetuju akan sifat semulajadi manusia yang dikatakan tamak, jahat dan mementingkan diri sendiri. Menurut Kegley & Wittkopf (2006: 34), tanggapan realis terhadap sifat semulajadi manusia adalah: *"People are by nature narrowly selfish and ethically flawed and cannot free themselves from the sinful fact that they are driven to watch out for themselves and compete with others for self-advantage"*. Dalam konteks politik dunia, sifat sedemikian disandarkan kepada negara sehingga dikatakan menjadi punca meletusnya Perang Dunia Kedua. Sifat negara yang tamak khususnya Jerman pada masa tersebut dengan hasrat menguasai wilayah dan sumber negara lain telah mencetuskan pergolakan sehingga terjadinya peperangan. Pengalaman sejarah hitam Perang Dunia Kedua telah melahirkan golongan realis yang begitu pesimis terhadap kebaikan manusia. Manusia amnya dan negara khususnya sentiasa bersaing untuk mengatasi kelebihan yang dimiliki individu dan negara lain. Kegley & Wittkopf (2006: 34) sekali lagi menjelaskan bahawa: *"Of all people's evil ways, none are more prevalent, unchangeable, or dangerous than their instinctive lust for power and their desire to dominate others"*.

Dalam konteks Perang Arab-Israel 1967, sifat sedemikian sangat sinonim dengan tindakan Israel yang memperlihatkan ketamakan, kerakusan dan kejahatan dalam usaha mereka memperluaskan sempadan negara Israel dengan merampas tanah-tanah penduduk Islam Palestin dan mengeksploitasi sumber yang dimiliki negara-negara jirannya. Pelbagai isu dan krisis meletus hasil tindakan Israel yang juga menimbulkan kemarahan dunia Arab seperti isu sempadan dan krisis air. Tindakan tersebut yang didorong oleh sifat tamak dan rakus telah mencetuskan perbalahan di antara Israel dengan negara-negara Arab sehingga kerap kali berlaku peperangan bermula pada tahun 1948 sehingga yang terbesar pada tahun 1967. Perang Arab-Israel 1967 dari perspektif realisme menjelaskan bahawa tindakan Israel yang tamak dan mementingkan diri sendiri telah mengundang kemarahan Mesir, Jordan dan Syria sehingga berlaku peperangan di antara Israel dengan negara-negara terbabit. Krisis air umpunya membuktikan tindakan Israel yang jahat dan tamak sehingga sanggup mengubah aliran air di Sungai Jordan, Tasik Tiberia dan Bukit Golan untuk kepentingan mereka. Ketamakan tersebut ditambah lagi dengan tindakan mereka menguasai Semenanjung Sinai, Bukit Golan dan Tebing Barat yang bukan tanah mereka pada asalnya apabila tamat Perang Arab-Israel 1967.

#### *Andaian Bahawa Peperangan Adalah Sesuatu Yang Tidak Dapat Dielakkan*

Peperangan menjadi metod penting dalam menyelesaikan sesuatu masalah atau pergeseran di antara dua atau beberapa buah negara. Dengan tanggapan sedemikian, setiap negara haruslah mempersiapkan kelengkapan ketenteraannya dengan sebaik mungkin sebagai persediaan sekiranya diserang oleh negara musuh atau negara yang kurang persefahaman. Andaian bahawa *'war is inevitable'* sangat berkait dengan andaian asas dalam pendekatan realisme iaitu berhubung dengan sifat semulajadi manusia yang tamak, jahat, sukar bertolak ansur,

mementingkan diri sendiri dan rakus. Sifat sedemikian mendorong manusia amnya dan negara khususnya berperang untuk memenuhi kepentingan peribadi dan menghapuskan ancaman musuh. Peperangan di antara negara yang tidak sehaluan sememangnya diduga apabila kerap berlaku provokasi dan percanggahan kepentingan sehingga tiada lagi kaedah penyelesaian melainkan cara ketenteraan. Golongan realis sangat mementingkan pengajaran daripada sejarah Perang Dunia Kedua apabila perjanjian keamanan yang dibuat setelah berakhirnya Perang Dunia Pertama musnah dengan tindakan Jerman yang menyerang Poland sekaligus memulakan peperangan besar. Kesenambungan Perang Dunia Kedua diteruskan oleh Perang Dingin apabila perlumbaan senjata dan mencari pengaruh giat dijalankan oleh Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet. Pendek kata, perjanjian keamanan menurut golongan realis tidak menyelesaikan masalah negara melainkan cara peperangan dan ketenteraan. Merujuk kepada kes Perang Arab-Israel 1967, pergeseran pendapat dan pertelingkahan berhubung kepentingan nasional bagi Israel, Mesir, Jordan dan Syria telah mengundang peperangan walaupun perjanjian keamanan dan gencatan senjata telah ditermeterai. Buktinya, peperangan pernah meletus di antara Israel dengan negara-negara tersebut pada tahun 1948 diikuti dengan perjanjian damai pada tahun 1949. Presiden Nasser dalam ucapannya semasa sidang Media di Kaherah pada 28 Mei 1967 telah menyatakan: "*We will not accept any...coexistence with Israel . . . today the issue is not the establishment of peace between the Arab states and Israel . . . The war with Israel is in effect since 1948*".

Perbalahan yang berterusan menyebabkan perjanjian damai yang ditermeterai pada tahun 1949 tersebut musnah apabila Israel bertindak menyerang Mesir, Jordan dan Syria pada 6 Jun 1967 sekaligus memulakan Perang Enam Hari 1967. Peperangan ini juga berakhir dengan gencatan senjata namun ia masih tidak bertahan lama apabila Mesir dan Syria yang tewas dalam Perang 1967 bertindak membalas dendam dengan menyerang Israel pada tahun 1973. Di sini dapat dilihat tiga peperangan besar pernah berlaku dalam sejarah konflik Arab-Israel iaitu pada tahun 1948, 1967 dan 1973. Jelas bahawa peperangan menjadi metod akhir bagi pihak Israel dan Arab dalam menyelesaikan agenda dan misi mereka yang tersendiri. Perang Arab-Israel 1967 membuktikan bahawa peperangan di antara negara-negara yang bercakaran sebelum dan selepas perang tersebut tidak dapat dielakkan.

#### *Andaian bahawa Tindakan Sesebuah Negara adalah Rasional*

Tindakan sesebuah negara yang diputuskan oleh pemimpin negara dianggap rasional untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat dalam negara tersebut. Suara pemerintah dianggap mempunyai keabsahan untuk menyuarakan matlamat negara. Dalam kata lain, pandangan pemerintah dianggap sebagai pandangan negara. Negara sebagai aktor terpenting dalam sistem antarabangsa wajar diberi kebebasan untuk mempertahankan keamanan dan kestabilannya jika menerima ancaman dari pihak luar. Tindakan negara untuk tujuan sedemikian dianggap rasional oleh golongan realis. Menurut Viotti & Kauppi (1987: 192) dalam Mahfudzah (1999), negara sebagai aktor yang rasional dilihat dari tindakan-tindakan yang dibuat oleh negara untuk memperoleh kuasa dan kekuatan bagi mencapai matlamat keamanan dan keselamatan. Contohnya menurut Holsti (1992) dalam Perang Dingin di antara Amerika Syarikat dengan Kesatuan Soviet, kedua-duanya mempunyai senjata nuklear untuk mengimbangi kuasa antara satu sama lain. Antara rasional yang menyebabkan kedua-dua belah pihak bersaing memiliki senjata nuklear ialah untuk menjamin keselamatan negara dari serangan mana-mana pihak yang berkonfrontasi tersebut.

Merujuk kepada kes Perang Arab-Israel 1967, tindakan Mesir yang dilaksanakan di bawah pimpinan Presiden Nasser menutup Selat Tiran dan Teluk Aqaba pada Mei 1967 kepada kapal-kapal Israel dianggap rasional memandangkan Mesir dan negara-negara Arab yang lain merasa terancam dengan keupayaan ketenteraan Israel yang disokong oleh Britain dan Amerika. Justeru, dengan menutup laluan perkapalan Israel, Nasser mengharapkan ia dapat

memberi tekanan kepada Israel dan melumpuhkan ekonominya sekaligus mengganggu aktiviti ketenteramannya. Tindakan sedemikian sememangnya dianggap rasional oleh Mesir dan negara-negara Arab. Bagi pihak Israel pula, mereka telah bertindak balas dengan menyerang Mesir pada Jun 1967 untuk mengelakkan tekanan ekonomi yang berterusan akibat sekatan terhadap kapal-kapalnya di Selat Tiran dan Teluk Aqaba. Tindakan Israel di bawah pimpinan Presiden Levi Eshkol menurut kaca mata realisme adalah rasional untuk tujuan keamanan dan kestabilan negaranya. Peperangan juga menurut realisme adalah sesuatu tindakan yang rasional apatah lagi ia bertujuan memelihara keselamatan negara. Kegley & Wittkopf (2006: 35) menjelaskan:

*The anarchical nature of the global system dictates that states acquire sufficient military capabilities to deter attack by potential enemies and to exercise influence over others hence, states should acquire arms and 'prepare war to keep peace', and not hesitant to use arms, since 'might makes right'.*

### Konsep Kuasa

Kuasa menurut pendekatan realisme merupakan alat yang mampu menjamin keamanan dan kestabilan sesebuah negara dalam politik dunia. Oleh yang demikian, golongan Realis berpendapat bahawa setiap negara harus berusaha untuk mendapatkan kuasa bagi mengelakkan penindasan dan ancaman dari negara lain sebagaimana yang berlaku semasa Perang Dunia Kedua. Persaingan di antara negara-negara untuk mendapatkan kuasa dalam politik dunia telah dijelaskan oleh Morgenthau (1973: 27): "*International politics, like all politics, is a struggle for power. Whatever the ultimate aims of international politics, power is always the immediate aim*". Kegley & Wittkopf (2006: 34) pula berpendapat: "*International politics is as Thomas Hobbes put it, 'a struggle for power and a war of all against all'*".

Merujuk kepada konsep kuasa dengan kes Perang Enam Hari Arab-Israel 1967, kuasa ketenteraan sememangnya menjadi persaingan di antara pihak Israel dengan pihak Arab (Mesir, Jordan dan Syria) memandangkan kedua belah pihak pernah berperang pada tahun 1948. Kuasa ketenteraan telah membezakan di antara juara iaitu Israel dengan pihak yang kalah iaitu pakatan negara-negara Arab. Sejak itu, Mesir dan beberapa negara Arab Revolusioner lain termasuk Jordan dan Syria mula mempertingkatkan tahap ketenteraan dan persenjataan mereka dengan menjalankan hubungan perdagangan senjata yang pesat dengan Kesatuan Soviet. Menurut Muhamad Hasrul (2005: 329-330), di antara tahun 1946-1972, Kesatuan Soviet merupakan pembekal utama senjata dan kelengkapan perang kepada Mesir, Jordan, Syria, Algeria, Arab Saudi dan Iran manakala Israel giat menjalankan perdagangan senjata dengan Amerika Syarikat dan Britain. Walaupun Britain turut membekalkan senjata kepada beberapa negara Arab lain seperti Libya dan negara-negara Teluk, keutamaan tetap diberi kepada Israel. Menurut diplomat Britain Sir Richard Beaumont dalam Muhammad Hasrul (2005: 323): "*Britain will continue to be with US encouragement, a supplier of arms to both sides but especially Israel*".

Persaingan kuasa ketenteraan di antara Israel dengan dunia Arab semakin jelas apabila Mesir telah mempelawa Syria untuk membentuk gabungan kuasa di bawah nama Republik Arab Bersatu pada tahun 1958. Gabungan tersebut walaubagaimanapun hanya bertahan selama 3 tahun iaitu sehingga tahun 1961 apabila berlaku masalah dalaman di pihak Syria sehingga kepimpinan tentera di Syria hasil daripada *coup de tat* bertindak menarik diri. Namun demikian perjanjian ketenteraan tetap ditermometerai selepas itu di antara Mesir dengan Syria dan Jordan di mana perjanjian tersebut meletakkan kuasa tentera bagi Jordan dan Syria di tangan Mesir. Selain itu, Mesir turut meletakkan hampir 60 hingga 70 ribu anggota tenteranya di sempadan Israel-Mesir di Semenanjung Sinai setelah pengunduran tentera Pengaman PBB dari kawasan tersebut pada Mei 1967. Tindakan ketenteraan Mesir yang sedemikian rupa pastinya mengundang kegusaran terhadap pihak Israel yang khuatir akan serangan Mesir pada bila-bila



masa sahaja. Akibatnya, berlaku pertempuran bersenjata yang berskala besar di rantau Timur Tengah apabila Israel melancarkan tindakan ketenteraan secara agresif terhadap Mesir, Jordan dan Syria pada 6 Jun 1967.

### *Konsep Keseimbangan Kuasa*

Terma *balance of power* dalam politik dunia menurut pendekatan realisme adalah sesuatu yang menjadi kemestian bagi sesebuah negara untuk mengelakkan dominasi satu kuasa besar yang berupaya mempengaruhi atau mengancam keselamatan negara lain. Konsep keseimbangan kuasa sememangnya diminati oleh golongan Realis kerana ia mampu mengekalkan dunia kepada suasana aman dan harmoni tanpa ada peperangan besar-besaran sebagaimana yang terjadi semasa Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua. Memetik sekali lagi definisi yang diutarakan oleh Goldstein & Pevehouse (2006: 76) berkenaan *balance of power*, ia mudah difahami sebagai; “*general concept of one or more states power being used to balance that of another state or group of states*”. Untuk mencapai keseimbangan kuasa, kuasa itu sendiri perlu ‘diagihkan’ secara saksama kepada negara-negara dalam politik dunia supaya setiap negara adalah setara dan tidak berupaya menguasai negara lain. Namun demikian, bagaimanakah ia boleh berlaku dalam dunia sebenar? Golongan realis telah mencadangkan solusi yang tersendiri untuk mempromosi keseimbangan kuasa dalam politik dunia iaitu melalui penubuhan pakatan ketenteraan di antara negara-negara (*alliances*), negara yang lemah menyertai negara yang kuat (*bandwagoning*) dan setiap negara membangunkan sendiri aktiviti ketenteraan mereka (*armament*).

Morgenthau (1973: 178-197) misalnya bersetuju bahawa *alliances* dan *armament* merupakan dua strategi penting dalam usaha sesebuah negara merasai ‘keseimbangan kuasa’ yang wujud dalam politik dunia dan hubungan antarabangsa. Merujuk kepada kajian kes Perang Enam Hari Arab-Israel 1967, ketiga-tiga strategi keseimbangan kuasa yang dinyatakan telah dilaksanakan oleh aktor-aktor yang terlibat dalam perang tersebut. Berhubung strategi penubuhan pakatan ketenteraan, sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, Syria dan Jordan masing-masing telah mengikat perjanjian pertahanan dengan Mesir sebelum meletusnya Perang Enam Hari 1967. Pakatan tersebut ditubuhkan setelah melihat potensi Israel untuk meluaskan lagi sempadan negaranya sehingga masuk ke kawasan sempadan negara-negara Arab. Beberapa pertempuran kecil di Tebing Barat dan Bukit Golan sepanjang 1960-an memaksa kepimpinan Jordan yang diketuai oleh Raja Hussein dan Syria yang diwakili Menteri Pertahanan Hafez al-Asad telah bertindak menyatukan kuasa tentera mereka bersama-sama Mesir untuk mengimbangi kuasa ketenteraan Israel yang pada ketika itu jauh lebih ke hadapan.

Kuasa militari Israel banyak dibantu oleh kecanggihan peralatan perang dan latihan ketenteraan yang ditaja oleh Amerika Syarikat dan Britain. Oleh yang demikian, untuk mengelakkan dominasi Israel sebagai kuasa tentera di rantau Timur Tengah, penubuhan pakatan ketenteraan oleh Mesir, Jordan dan Syria dilihat menjadi strategi penting dalam mewujudkan situasi *balance of power*. Jika Perang Dunia Pertama menampilkan Perikatan Kuasa Tengah (Jerman, Austria-Hungary, Turki Uthmaniah) menentang Pakatan Bertiga (Britain, Perancis, Rusia), Perang Dunia Kedua pula membariskan Pakatan Paksi (Jerman, Itali, Jepun) melawan Pakatan Berikat (Amerika Syarikat, Britain dan Rusia), maka Perang Enam Hari Arab-Israel 1967 telah memperlihatkan sedikit keunikan apabila sebuah negara menentang pakatan negara iaitu Israel menentang pakatan negara Arab iaitu Mesir, Jordan dan Syria. Dengan menubuhkan pakatan ketenteraan, Israel tidak akan sewenang-wenangnya mencerooboh negara-negara Arab yang lain memandangkan kuasa ketenteraan di rantau Timur Tengah hampir setara. Jika Mesir, Jordan dan Syria tidak berpakat dalam usaha mereka mengatasi ancaman Israel, kemungkinan besar negara-negara tersebut mudah diserang sebagaimana yang berlaku kepada Poland dalam Perang Dunia Kedua. Perjanjian pertahanan yang ditermeterai di antara Syria dan Jordan dengan Mesir sebelum berlaku Perang 1967 memainkan peranan yang

penting untuk mengukuhkan hujah pendekatan realisme berkenaan konsep keseimbangan kuasa yang dimanifestasikan melalui penubuhan *alliances*.

Strategi *bandwagoning* atau negara lemah menyertai negara kuat pula berlaku apabila Mesir dan Syria secara terang-terangan menyatakan sokongan mereka kepada Kesatuan Soviet manakala Israel pula menjalin hubungan yang sangat erat dengan Amerika Syarikat dan Britain. Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet merupakan kuasa besar dunia setelah berakhirnya Perang Dunia Kedua. Persaingan kedua kuasa besar tersebut semasa Perang Dingin turut melibatkan beberapa negara Arab termasuk Mesir dan Syria yang memilih untuk berada di belakang Kesatuan Soviet. Sokongan yang diberikan oleh Mesir dan Syria yang kemudian diikuti oleh Jordan telah mendatangkan manfaat apabila Kesatuan Soviet membantu negara-negara tersebut dalam membekalkan kelengkapan ketenteraan dan persenjataan. Bagi Israel pula, keakraban mereka dengan Amerika Syarikat sememangnya tidak dapat dinafikan sehingga Presiden Johnson sanggup menyediakan bantuan ketenteraan dan peralatan perang kepada Israel sekiranya mereka diancam oleh Mesir semasa peristiwa penutupan Selat Tiran dan Teluk Aqaba. Perkara penting yang dinyatakan di sini ialah Israel, Mesir, Syria dan Jordan bukanlah negara-negara yang kuat dalam konteks politik dan hubungan antarabangsa. Namun begitu, mereka bertindak menyertai salah satu daripada dua kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet untuk mewujudkan keseimbangan kuasa dan kekuatan militari dalam rantau Timur Tengah yang kerap berada dalam situasi tegang pada masa tersebut.

### **Konsep Kepentingan Nasional dan Kedaulatan Negara**

Kepentingan nasional pada pandangan golongan realis adalah yang utama dalam sesebuah negara melebihi kepentingan individu, budaya, politik tempatan dan lain-lain yang dirasakan tidak setaraf dengan kepentingan nasional. Negara dalam konteks pendekatan realisme sentiasa berusaha melindungi kepentingan nasional mereka daripada sebarang ancaman negara luar. Kepentingan nasional yang ditekankan adalah seperti kemerdekaan, keselamatan, ketenteraan, aman daripada peperangan dan pencerobohan negara asing, pemeliharaan sempadan negara dan lain-lain. Dalam ayat yang mudah, kepentingan nasional adalah segala perkara yang dirasakan memberi manfaat kepada negara sebagai aktor utama dalam sistem antarabangsa yang bersifat anarki. Menurut Kegley & Whitkoff (2006: 34), kepentingan nasional boleh difahami sebagai:

*The goal that states pursue to maximize what is selfishly best for their country...  
The primary obligation of every state and the goal to which all other national objectives should be subordinated is to promote its national interest and to acquire power for this purpose.*

Kepentingan nasional kadangkala tergugat dengan tindakan negara lain yang dilihat memberi ancaman kepada kepentingan nasional mereka. Justeru, beberapa andaian dalam pendekatan realisme yang telah dibincangkan sebelum ini kembali dipraktikkan seperti andaian bahawa 'peperangan adalah suatu yang tidak boleh dielakkan', 'matlamat menghalalkan cara' dan 'negara sentiasa bersifat tamak dan rakus'. Realisme mewajarkan negara menggunakan apa jua cara untuk menjaga dan mempertahankan kepentingan nasional mereka daripada diganggu gugat oleh negara lain yang dianggap tamak dan rakus. Jika terpaksa menggunakan tindakan ketenteraan, maka ia sudah pasti sesuatu yang tidak boleh dielakkan. Kedaulatan negara juga seperti sempadan negara dan pengiktirafan kemerdekaan merupakan perkara penting yang dipelihara negara. Jika ia terjejas, maka negara wajar bertindak dengan apa jua cara bagi mempertahankannya.

Merujuk kepada kajian kes Perang Arab-Israel 1967, isu kepentingan nasional dan kedaulatan negara telah menjadi salah satu faktor meletusnya perang tersebut. Krisis air, isu pencerobohan sempadan dan pengiktirafan kemerdekaan adalah antara isu yang berbangkit sebelum berlaku perang pada Jun 1967. Krisis air misalnya, merupakan perkara yang menjadi ancaman kepada kepentingan nasional Jordan dan Syria apabila tindakan Israel mengalihkan aliran Sungai Jordan masuk ke Pergunungan Negev dan beberapa kawasan lain dalam wilayah Israel. Tindakan yang sama juga berlaku ke atas Syria apabila Israel mengepam air dari Tasik Tiberia dan Bukit Golan untuk kegunaan harian penempatan baru penduduk Israel. Berang dengan tindakan Israel, Jordan dan Syria dengan sokongan Mesir telah membina projek pengairan baru pada tahun 1964 bertujuan menyekat laluan air yang dialihkan oleh Israel masuk ke negara tersebut. Natijah daripada krisis ini telah membawa kepada pertempuran kecil di sepanjang sempadan Israel-Syria dan Israel-Jordan terutama di tapak projek pengairan kedua-dua pihak sehingga kepada pertempuran besar pada 6 Jun 1967. Jelas di sini bahawa negara sukar berkrompomi apabila berlaku sesuatu yang mengancam kepentingan nasional mereka. Insiden ini hampir menyokong andaian dalam pendekatan realisme bahawa negara akan melakukan apa sahaja yang dirasakan terbaik untuk kepentingan nasional mereka walaupun terpaksa berperang.

Isu sempadan pula tidak kurang bezanya dengan isu air apabila Syria dan Jordan mendakwa Israel menceroboh masuk ke wilayah mereka dan kawasan Zon Bebas Tentera (DMZ) bertujuan melaksanakan projek pembinaan penempatan warga Israel dan projek pengairan di kawasan Sungai Jordan dan Bukit Golan. Israel pula menuduh kedua negara tersebut menjadi penyumbang kepada gerakan-gerakan Islam yang melancarkan beberapa siri pengeboman berani mati dan serangan ke atas pos-pos pengawal tentera Zionis di sempadan kedua-dua belah pihak. Pelbagai tindakan provokasi sering berlaku di sempadan terutama di kawasan berhampiran Sungai Jordan, Tebing Barat dan Bukit Golan. Menurut Muhammad Hasrul Zakaria (2005) dan Anwar M. Aris (2009), pihak Israel secara tersirat ingin mencetuskan peperangan dengan tindakan provokasi dan serangan berskala kecil sekaligus membolehkan mereka menawan kawasan tersebut yang mendatangkan banyak manfaat kepada Israel. Tindakan sedemikian sememangnya tidak dibiarkan begitu sahaja oleh dunia Arab sehingga Mesir bertindak menutup Selat Tiran dan Teluk Aqaba kepada laluan kapal dagang Israel bertujuan mengenakan tekanan yang hebat kepada kepimpinan Levi Eshkol. Tindakan sabotaj yang dilancarkan oleh Mesir memaksa Israel untuk bertindak secara kekerasan supaya kepentingan nasional mereka tidak terus diancam oleh negara-negara Arab yang lain.

Berhubung isu pengiktirafan kemerdekaan, sebaik sahaja Deklarasi Balfour 1948 diisytiharkan yang menandakan penubuhan negara Israel secara rasmi di bumi Palestin, berlaku pertempuran hebat di antara dunia Arab dengan Israel sebagai bantahan terhadap pengiktirafan PBB ke atas kewujudan sebuah negara Israel di Timur Tengah. Serangan tersebut membuktikan dunia Arab menolak pencabulan hak asasi manusia di Palestin selain tindakan tersebut yang menampakkan kebiadaban apabila kedaulatan sesebuah negara iaitu Palestin dirampas oleh 'pendatang asing'. Dalam pada itu, di suatu sisi yang berbeza iaitu bagi pihak Israel, mereka mendakwa negara-negara Arab yang menyerang mereka pada tahun 1948 adalah penceroboh yang cuba menafikan kemerdekaan Israel. Presiden Nasser sebagai contoh begitu lantang dalam ucapan-ucapannya di media massa yang mengkritik penubuhan Israel selain mendakwa negara tersebut adalah negara haram di tanah Palestin. Konsep kepentingan nasional dan kedaulatan negara yang diutarakan oleh pendekatan realisme dapat dilihat dengan jelas apabila meneliti krisis air, isu sempadan dan kedaulatan Israel-Arab yang telah membawa kepada Perang Enam Hari Arab-Israel 1967.

### Konsep Bantu Kendiri atau *Self-Help*

Konsep ini berkaitan dengan sistem antarabangsa yang bersifat anarki iaitu tiadanya sebuah kerajaan dunia yang berkuasa mengawal segala tindak tanduk negara sebagaimana kerajaan dalam sesebuah negara yang berkuasa mengawal negeri dan wilayah di dalamnya. Dalam keadaan ini negara-negara secara individu atau kumpulan akan menghasilkan pertahanan mereka sendiri dengan berpegang kepada prinsip kedaulatan untuk mengekalkan keamanan dan kepentingan nasional mereka daripada ancaman negara lain. Sistem dunia yang anarki melahirkan rasa tidak percaya dalam kalangan negara terutama negara yang dilihat menjadi musuh. Dalam kata yang lain, berlaku situasi dilema keselamatan terhadap sesebuah negara dalam sistem antarabangsa. Kegley & Whitkoff (2006: 499) menjelaskan dilema keselamatan dalam pendekatan realisme sebagai:

*The propensity of armaments amassed by one state for ostensibly defensive purposes to be perceived by others as threatening, which drives the alarmed competitors to undertake as a counter-measure a military buildup the heightens both states insecurities.*

Oleh yang demikian, konsep bantu sendiri amat diperlukan supaya negara dapat bersedia untuk menghadapi sebarang ancaman luar. Bantu sendiri yang dimaksudkan lebih merujuk kepada persediaan kelengkapan ketenteraan dan sistem pertahanan sesebuah negara dari serangan negara lain. Tanpa persediaan sistem pertahanan yang sempurna, keselamatan negara tidak lagi terjamin. Dalam konteks Perang Enam Hari Arab-Israel 1967, Israel telah membangunkan teknologi ketenteraan mereka jauh meninggalkan negara-negara Arab yang lain kerana bimbang dengan 'kehadiran' mereka ke rantau Timur Tengah yang tidak disenangi majoriti dunia Arab. Mereka terpaksa mengaplikasikan konsep bantu sendiri dengan mengutamakan keselamatan negara Israel menerusi sistem pertahanan yang mantap. Perang 1948 memberi pengajaran kepada Israel bahawa ancaman dan serangan dari negara-negara Arab mungkin akan berulang. Justeru, mereka sentiasa mengemas kini sistem pertahanan yang sedia ada untuk menjamin keselamatan dan kepentingan nasional mereka terpelihara. Jika berlaku serangan, PBB sebagai badan pengaman antarabangsa dianggap tidak berupaya menghalang serangan tersebut melainkan negara yang diserang mesti mempertahankan diri sendiri. Goloangan realis sememangnya bersikap syak wasangka terhadap fungsi badan-badan antarabangsa yang dikatakan boleh menghadkan tindakan sesebuah negara. Mereka mendapat inspirasi dan pengajaran daripada kegagalan Liga Bangsa-Bangsa menghalang tindakan Nazi Jerman yang menyerang Poland sekaligus memulakan Perang Dunia Kedua. Menurut Kegley & Whitkoff (2006: 34):

*States should never entrust the task of self-protection to international security organizations or international law and should resist efforts to regulate international behavior through global governance.*

Selain meningkatkan sistem pertahanan, penubuhan pakatan ketenteraan sebagaimana yang dilakukan oleh Mesir, Jordan dan Syria juga merupakan salah satu cara untuk mempraktikkan konsep bantu sendiri. Antara isi kandungan utama dalam perjanjian pertahanan tersebut ialah setiap negara saling bekerjasama sekiranya diancam atau diserang oleh pihak luar khususnya Israel. Jordan dan Syria menyedari bahawa tahap keselamatan negara mereka terancam dengan peningkatan kekuatan pertahanan yang dibina Israel. Justeru, menubuhkan pakatan ketenteraan dengan Mesir yang banyak mendapat sokongan Kesatuan Soviet adalah cara terbaik untuk melalui sistem antarabangsa yang bersifat anarki. Keberkesanan penubuhan pakatan dapat dilihat menerusi tindakan Presiden Nasser yang

'membela' keselamatan Syria dari ancaman Israel setelah mereka mengikat perjanjian pertahanan pada tahun 1966. Nasser menjelaskan bahawa: "*Eshkol threatened to march on Damascus, occupy Syria and overthrow the Syrian regime. It was our duty to come to the aid of our Arab brother*". Konsep bantu sendiri yang terkandung dalam pendekatan realisme jelas memperlihatkan aplikasinya dalam konteks Perang Arab-Israel 1967. Mesir, Jordan dan Syria telah bersepakat untuk membantu sesama sendiri untuk mencapai tujuan perlindungan diri dari ancaman Israel. Israel pula sebaik diserang pada tahun 1948, lantas mempertingkatkan teknologi ketenteraan yang diimport dari Amerika Syarikat dan Britain sehingga mereka berjaya dalam Perang Enam Hari 1967.

### **Kesignifikanan Realisme dalam Situasi Perang Enam Hari Arab-Israel 1967**

Situasi Perang Enam Hari 1967 menepati andaian utama yang terkandung dalam teori realisme berhubung sifat semulajadi manusia, soal peperangan dan kerasionalan tindakan negara. Realisme menegaskan bahawa manusia amnya dan negara khususnya secara semulajadi bersifat tamak dan rakus. Hal yang demikian dapat diperhatikan menerusi peranan Israel yang bertindak menceroboh sempadan negara jirannya untuk meluaskan kawasan penempatan baru penduduk mereka. Situasi tersebut pasti sukar dijelaskan jika pendekatan idealisme atau Liberalisme di pilih untuk menjadi kerangka teori memandangkan andaian utama yang terkandung dalam pendekatan tersebut ialah manusia secara semulajadi bersifat baik, bertolak ansur dan boleh bekerjasama. Perang Enam Hari 1967 telah membuktikan tiada kerjasama yang mampu dicapai oleh Israel dengan dunia Arab melainkan permusuhan, dendam dan saling syak wasangka. Demikian juga jika ditinjau berkenaan soal peperangan yang mana pada pandangan realisme merupakan sesuatu yang sukar dielakkan. Tiga siri peperangan telah meletus sepanjang konflik Arab-Israel termasuk perang pada tahun 1967. Walaupun perjanjian damai dan gencatan senjata pernah dilaksanakan, ia masih gagal menghalang meletusnya perang di antara Israel dengan pakatan Mesir, Syria dan Jordan. Andaian bahawa peperangan merupakan suatu yang tidak dapat dielakkan sudah pasti selaras dengan peristiwa Perang Arab-Israel 1967. Selain itu, terdapat beberapa konsep utama dalam pendekatan realisme seperti kuasa, keseimbangan kuasa, kepentingan nasional, kedaulatan negara dan bantu sendiri mempunyai perkaitan rapat dengan segala fakta yang berlaku dalam peristiwa Perang Arab-Israel 1967. Misalnya, isu air dan sempadan negara menjadi faktor penting yang telah mengganggu kepentingan nasional aktor-aktor yang terlibat sehingga meletusnya perang. Hal yang demikian berbeza daripada pendekatan lain dalam politik dunia seperti Liberalisme dan Marxisme yang menegaskan punca konflik adalah kerana penafian hak-hak individu, penindasan kelas atasan terhadap kelas bawahan dan eksploitasi negara kaya terhadap negara miskin. Realisme tidak melihat perkara-perkara sedemikian sebagai pencetus konflik antara negara melainkan apabila kepentingan nasional sesebuah negara terancam.

Selain isu air, soal kuasa dan keseimbangan kuasa juga berjaya membuktikan kesignifikanan pendekatan realisme dalam memahami situasi Perang Arab-Israel 1967. Kuasa ketenteraan sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini sentiasa direbut oleh pihak Israel dan pakatan negara-negara Arab dengan berlakunya proses perlumbaan senjata di bawah pengaruh kuasa besar yang menaungi setiap pihak. Kuasa ketenteraan memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan siapa yang akan menyerang siapa dan siapa yang menang. Kelebihan yang terdapat pada Israel berhubung peningkatan teknologi peperangan telah memberi keyakinan kepada mereka untuk menyerang pakatan Arab terlebih dahulu dan mereka akhirnya berjaya dalam pertempuran tersebut. Konsep-konsep yang lain seperti bantu sendiri telah dibincangkan secara terperinci dan dianggap sesuai menjadi faktor yang menyumbang kepada Perang Enam Hari 1967. Pendekatan realisme sememangnya signifikan dalam menerangkan punca dan faktor yang menyumbang kepada peristiwa Perang Arab-Israel

1967. Punca-punca tersebut dapat dilihat menerusi hujah realisme berhubung andaian-andaian utama dan beberapa konsep asas yang terdapat dalam pendekatan tersebut.

Sebagai kesimpulan, kajian ini telah menganalisis hubungkait antara pendekatan realisme dengan peristiwa Perang Enam Hari Arab-Israel 1967 berdasarkan unit analisis, andaian-andaian dan konsep-konsep penting yang terkandung dalam pendekatan tersebut. Bermula dengan unit analisis yang meletakkan negara sebagai aktor terpenting dalam sistem antarabangsa, perang tersebut telah menonjolkan peranan Israel, Mesir, Jordan dan Syria yang mendominasi beberapa krisis sehingga meletus peperangan. Peranan negara-negara tersebut juga telah menenggelamkan fungsi PBB dan Liga Arab sebagai aktor bukan negara yang dikira bertanggungjawab terhadap sebarang isu antarabangsa dan serantau seperti kes peperangan tersebut. Analisis turut dibuat tentang perkaitan di antara andaian-andaian utama dalam teori realisme seperti sifat semulajadi manusia, peperangan yang tidak dapat dielakkan dan kerasionalan tindakan negara dengan kes Perang Arab-Israel 1967. Analisis turut dilakukan dengan mengaitkan konsep kuasa, keseimbangan kuasa, kepentingan nasional, kedaulatan negara dan bantu sendiri sebagai faktor-faktor yang menyumbang kepada Perang Enam Hari Arab-Israel 1967. Kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan realisme berjaya menjelaskan punca-punca dan tindakan para pemimpin negara yang terlibat sehingga meletusnya Perang Arab-Israel 1967. Kemampuan teori ini banyak disandarkan kepada andaian-andaian dan konsep-konsep penting yang mempunyai kaitan rapat dengan perang tersebut. Segala fakta kes, kronologi, dasar pemimpin, reaksi kuasa besar dan tindakan-tindakan negara yang terkandung dalam peristiwa Perang Enam Hari Arab-Israel 1967 menjadi panduan dalam memahami hujah-hujah dan idea yang disampaikan oleh golongan realis.

### References

- Anwar. M. Aris. 2009. *Israel is Not Real: Negara Palsu di Tanah Rampasan*. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise.
- Brenchley, F. 2005. *Britain, the Six-Day War & Its Aftermath*. New York: I. B. Tauris & Co Ltd.
- Fuad bin Sayyid Abdurrahman Arrifa'i. 1995. *Yahudi dalam Informasi dan Organisasi*. Jakarta: Gema Buku Andalan.
- Goldstein J.S & Pevehouse J.C. 2004. *International Relations*. Ed. ke-7. New York: Pearson & Longman.
- Holsti, K.J. 1995. *International Politics: A Framework for Analysis*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Kegley, C.W and Wittkopf, E.R. 1989. *World Politics Trend and Transformation*. Ed. ke-3. New York: St. Martin's Press.
- Mahfudzah Mustafa. 1999. Pendekatan realis dalam perspektif hubungan antarabangsa. Dlm Ghazali Mayudin (pnyt). *Teori Sains Politik Pilihan: Aplikasinya dalam Konteks Malaysia*, hlm. 105-129. Bangi: Penerbit UKM.
- McAleavy, T. 1998. *The Arab-Israeli Conflict*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Morgenthau, H.J. 1973. *Politics among Nations: The Struggle for Power and Peace*. New York: Alfred A. Knopf, Inc.
- Muhammad Hasrul Zakariah. 2005. Perang Arab-Israel 1967: Dasar dan Reaksi British. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Viotti, P. & Kauppi, M. 1987. *International Relations Theory*. New York: Collier Macmillan Publishers.
- Muhamad Hasrul Zakariah. 2007. British dan Resolusi 242 1967: Pengajaran Sejarah untuk Pelan Damai Asia Barat. *Jurnal Kemanusiaan* 10: 65-76.